



## Cubaan import pemalsuan aloi titanium gagal

Oleh Norzamira Che Noh - November 13, 2021 @ 9:43pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Abdul Wahabi (kanan) menunjukkan pemalsuan aloi titanium yang dirampas dianggar bernilai RM3.2 juta di Wisma Kastam Selangor, Pelabuhan Klang. - NSTP/OWEE AH CHUN.

**PELABUHAN KLANG:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit I (WPKL) menggagalkan cubaan mengimport pemalsuan aloi titanium dianggar bernilai RM3.2 juta hasil serbuan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Barat dekat sini, 27 Oktober lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan) Malaysia, Datuk Abdul Wahabi Abdullah, berkata serbuan jam 12 tengah hari itu dilaksanakan pasukan Operasi Unit I (WPKL) bersama beberapa wakil agensi lain.

Mereka yang terbabit ialah Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Sekretariat Perdagangan Strategik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Pemeriksaan mendapati kontena bersaiz 20 kaki itu diikrarkan dalam Bil Muatan (BoL) sebagai dagangan 'Titanium forgings' dengan berat anggaran 25,067 kilogram (kg) dianggar bernilai RM3.2 juta serta anggaran cukai atau duti RM320,000.

"Pemeriksaan dokumen dan fizikal mendapati pengimportan berkenaan sudah melanggar peraturan diperuntukkan mengikut Seksyen 9 (1) Akta Perdagangan Strategik 2010 iaitu mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik tanpa permit yang dikeluarkan mengikut akta itu.

"Mengikut akta itu, bahan khas dan perkakas berkaitan, Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 memerlukan permit Jabatan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)," katanya pada sidang media di Wisma JKDM Pulau Indah dekat sini, hari ini.

Abdul Wahabi berkata, pengimport atau ejen perkapalan gagal mengemukakan Borang Kastam 5 bagi tujuan pemindahan penghantaran dari negara asal dan disyaki menggunakan negara ini sebagai pusat transit sebelum dihantar atau dipindah ke negara lain.

Katanya, modus operandi itu dipercayai bertujuan mengaburi pihak berkuasa kerana membawa dagangan strategik yang memerlukan permit import yang sah.

"Destinasi dagangan berkenaan disyaki untuk dihantar ke sebuah negara di Asia Barat.

"Bahan itu dipercayai boleh digunakan untuk pembuatan bahagian atau komponen bagi peralatan ketenteraan atau senjata pemusnah besar-besaran (WMD).

"Kes disiasat mengikut Akta Perdagangan Strategik 2010 iaitu mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik tanpa permit di bawah Seksyen 9 (1) Akta Perdagangan Strategik 2010.

"Kita sedang mengesan pemilik atau ejen pengimport yang **terbabit bagi tindakan selanjutnya**," katanya.